

PRAKTIS

Pilih kata ganti nama yang betul. Isi tempat kosong. SP 5.1.1(iii)

CONTOH




Haikal, _____ kamu _____ (kamu, saya)
hendak pergi ke mana?

1.



_____ (Kami, Saya) hendak
pergi ke padang. Kamu dan Ranjit
hendak pergi ke mana pula?

2.



Saya dan Kim Hong hendak pergi ke
stor sukan. _____ (Kami,
Kita) hendak mengambil beberapa alat
sukan.

3.



Ranjit, mari _____ (kita,
kamu) ke stor sukan.

4.



Kawan-kawan sudah lama menunggu.
_____ (Dia, Mereka) sudah
tidak sabar untuk berlatih.

Aktiviti 5

a) Lengkapkan dialog. Kemudian, lakonkannya.

Halim akan menyampaikan cerita “Sang Arnab” dalam pertandingan bercerita. Rina, Ai Lin dan Prema membantunya untuk bersiap-siap.


kami

saya

kita


kamu

Kawan-kawan, mari _____ bantu Halim untuk bersiap-siap.



Prema, _____ tolong ikatkan topeng ini pada muka Halim.

Halim, _____ akan pakaikan sarung tangan ini untuk kamu.



Saya akan pakaikan topeng ini pada muka _____, Halim.

Terima kasih, kawan-kawan, kerana sudi membantu _____.

Sama-sama, Halim. _____ gembira dapat membantu kamu. Saya berharap semoga _____ menang dalam pertandingan itu.



- Bimbing murid melengkapkan belon kata dengan kata ganti nama diri yang betul. Kemudian, lakonkan.